1. Siapakah yang menjadi pengguna dalaman penyata kewangan ?
   A. Bank
   B. Akaun belum bayar
   C. Pemilik perniagaan
   D. Persaing perniagaan

2. Pilih komponen dalam Penyata Kedudukan kewangan
   I. Aset
   II. Hasil
   III. Belanja
   IV. Liabiliti
   A. I dan II
   B. I dan IV
   C. II dan III
   D. III dan IV

3. Prestasi kewangan sesebuah perniagaan dinilai dari semasa ke semasa bertepatan dengan konsep
   A. Usaha berterusan
   B. Ketekalan
   C. Prinsip kos
   D. Tempoh perakaunan

4. Sebuah premis telah dibeli oleh Syarikat Ros pada 1 Mac 2019 dengan harga RM 450 000. Pada tahun 2020, nilai pasaran premis tersebut meningkat kepada RM 680 000. Berapakah nilai premis yang akan direkodkan dalam penyata kewangan tahun 2021?
   A. RM 130 000
   B. RM 450 000
   C. RM 380 000
   D. RM 580 000

5. Yang berikut ialah aset dan liabiliti Perniagaan Alana pada 1 Januari 2021

	RM
Premis	60 000
Inventori	12 900
Gaji belum bayar	400
Bank	10 800
Insurans prabayar	120
Akaun Belum Terima	7 230

Berapakah modal Perniagaan Alana pada 1 Januari 2021?
   A. RM 90 410
   B. RM 90 650
   C. RM 91 210
   D. RM 91 450

6. Apakah akaun induk bagi Ambilan ?
   A. Akaun Jualan
   B. Akaun Belian
   C. Akaun Modal
   D. Akaun Belum Terima

7. Mengapakah nota debit dihantar oleh pembekal kepada pelanggannya ?
   A. Untuk memaklumkan bahawa pembekal tersalah hantar barang
   B. Untuk mengingatkan pelanggan bahawa hutangnya telah berkurang
   C. Untuk menyampaikan maklumat tentang pemulangan barang rosak
   D. Untuk memberitahu pelanggan perlu membayar caj angkutan

LIVEWORKSHEETS

8. Pustaka Bahasa Sdn Bhd. Membekalkan buku-buku rujukan kepada Kedai Buku Terhebat. Apakah dokumen yang perlu dihantar oleh Pustaka Bahasa Sdn. Bhd. kepada kedai buku itu sebagai pengesahan penerimaan buku-buku ?
   A. Resit
   B. Baucer bayaran
   C. Nota serahan
   D. Nota makluman

9. Urus niaga manakah yang direkodkan dalam Jurnal Pulangan Jualan ?
   A. Hantar invois kepada Kedai Rozet
   B. Ambilan inventori untuk tujuan promosi
   C. Terima nota debit dari Perniagaan Samit
   D. Barang salah jenama yang dikembalikan oleh Encik Fuad

10. Urus niaga yang berikut diambil daripada Kedai Sukan Air Pool

Ambilan baju renang untuk tujuan promosi

Nyatakan akaun yang didebitkan dan akaun yang didebitkan dan akaun yang dikreditkan bagi urus niaga di atas

	Debit	Kredit
A.	Akaun Promosi	Akaun Belian
B.	Akaun Ambilan	Akaun Promosi
C.	Akaun Belian	Akaun Ambilan
D.	Akaun Ambilan	Akaun Belian

11. Data di bawah ini menunjukkan butiran berkaitan jualan kredit Perniagaan Amna pada bulan Jun 2021

	RM
Baki awal Akaun belum terima	5 355
Baki akhir Akaun belum terima	7 110
Cek diterima daripada akaun belum terima (termasuk hutang lapuk terpulih RM 240)	19 200
Diskaun diberi	230
Hutang lapuk	440

Hitung jumlah jualan kredit bagi bulan itu
   A. RM 30 995
   B. RM 25 800
   C. RM 21 385
   D. RM 20 505

12. Petikan Imbangan Duga Perniagaan Sinar adalah seperti berikut :

	Debit RM	**Kredit RM**
Belian	4 000	
X	1 500	
Y		160

Apakah X dan Y ?

	X	Y
A.	Overdraf bank	Sewa
B.	Gaji	Ambilan
C.	Simpanan tetap	Diskaun diterima
D.	Tunai	Pulangan jualan

LIVEWORKSHEETS

13. Data di bawah ini diperoleh daripada Imbangan Duga Syarikat Progrow pada 31 Disember 2020

	RM
Jualan	45 000
Belian	36 300
Diskaun diterima	140
Pulangan jualan	650
Insurans	1 200
Modal	19 410
Kenderaan	20 000
Akaun belum terima	13 600
Akaun belum bayar	7 200

Kira angka Imbangan Duga pada 31 Disember 2020

A. RM 71 610
B. RM 71 100
C. RM 71 750
D. RM 72 400

14. Butir manakah yang direkodkan dalam Akaun Perdagangan dan Untung Rugi serta di dalam Penyata Kedudukan Kewangan ?

A. Belian
B. Inventori akhir
C. Hutang lapuk
D. Faedah atas simpanan

15. Mesin yang digunakan dalam operasi pengeluaran mengalami susut nilai, kerana

I. Keusangan
II. Kerugian perniagaan
III. Kemerosotan fizikal
IV. Kenaikan kos pembaikan

A. I dan II
B. I dan III
C. II dan IV
D. III dan IV

16. Penyata Kedudukan Kewangan perniagaan mencatatkan …….

I. Pendapatan hasil
II. Perbelanjaan hasil
III. Pendapatan modal
IV. Perbelanjaan modal

A. I dan II
B. I dan III
C. II dan IV
D. III dan IV

17. Pernyataan yang manakah tidak benar mengenai hutang lapuk ?

I. Hutang lapuk merupakan suatu kerugian perniagaan
II. Hutnag lapuk dianggarkan pada akhir tahun kewangan
III. Hutang lapuk berlaku apabila Akaun Belum Terima melarikan diri
IV. Hutang lapuk direkodkan di sebelah kredit Akaun Untung Rugi

A. I dan II
B. I dan III
C. II dan IV
D. III dan IV

LIVEWORKSHEETS

18. Hutang lapuk terpulih direkodkan dalam penyata kewangan sebagai ……
    A. Aset
    B. Hasil
    C. Belanja
    D. Liabiliti

19. Gaji belum bayar pada akhir tempoh perakaunan ditunjukkan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai …….
    A. Aset semasa
    B. Liabiliti semasa
    C. Aset bukan semasa
    D. Liabiliti bukan semasa

20. Urus niaga yang manakah yang memberi kesan kepada untung bersih ?
    A. Gaji pekeja prabayar
    B. Belian perabot pejabat secara kredit
    C. Ambilan tunai untuk kegunaan peribadi
    D. Pemilik membawa masuk kenderaan peribadi untuk kegunaan perniagaan

21. Cek berjumlah RM 2 258 yang diterima daripada pelanggan tersilap rekod dalam buku tunai sebanyak RM 2 285. Cek tersebut telah dikreditkan oleh bank .
    Bagaimanakah kesilapan ini direkodkan apabila Buku Tunai dikemaskini ?
    A. Debit RM 27
    B. Kredit RM 27
    C. Debit RM 2 258
    D. Kredit RM 2 258

22. Encik Seman menyediakan belanjawan tunai perniagaan untuk tempoh 3 bulan berakhir 31 Ogos 2021 Jualan dianggarkan berjumlah RM 60 000 setiap bulan dimana 40 % daripadanya diberikan tempoh kredit. Hitung anggaran jualan tunai pada bulan Ogos ?
    A. RM 96 000
    B. RM 60 000
    C. RM 36 000
    D. RM 24 000

23. Pilih butiran yang direkodkan dalam Buku Tunai yang menyebabkan berlakunya perbezaan antara baki di Buku Tunai dengan baki di Penyata Bank
    I. Pindahan kredit
    II. Faedah atas simpanan
    III. Cek belum dikemukakan
    IV. Deposit belum dikreditkan
    A. I dan II
    B. I dan IV
    C. II dan III
    D. III dan IV

24. Apakah belanjawan tunai ?
    A. Buku rekod wang masuk dan wang keluar serta baki di tangan
    B. Penyata yang menyelaraskan baki di Buku Tunai dan di baki Penyata Bank
    C. Anggaran penerimaan dan pembayaran tunai untuk suatu tempoh tertentu
    D. Jumlah hasil yang diterima dan belanja yang dibayar untuk mengurus perniagaan

LIVEWORKSHEETS

25. Pernyataan manakah yang menunjukkan ciri-ciri sebuah perkongsian ?
    A. Cukai dikenakan ke atas pendapatan perniagaan
    B. Keuntungan dibahagikan kepada pekongsi dalam bentuk dividen
    C. Hayat perniagaan tamat apabila salah seorang daripada ahli kongsi muflis
    D. Bilangan ahli maksimum 20 orang bagi semua jenis perkongsian

26. Tahun kewangan Perkongsian Alia dan Cika berakhir pada 31 Disember setiap tahun. Maklumat yang berikut diperoleh daripada perkongsian berikut

Modal Alia pada 1 Januari 2020 ialah RM 84 000. Pada 1 Julai 2020, Alia membawa masuk modal tambahan sebanyak RM 18 000. Faedah atas modal adalah 4% setahun

Hitung faedah atas modal Alia

A. RM 720
B. RM 3 360
C. RM 3 720
D. RM 4 080

27. Maklumat di bawah diperoleh daripada buku perkongsian Minah dan Mona pada 31 Disember 2020

	RM
Untung bersih	16 000
Faedah atas ambilan	240
Faedah atas modal	6 000

Untung atau rugi pekongsi dibahagi sama rata antara dua orang pekongsi tersebut. Hitung bahagian untung setiap pekongsi itu

A. RM 4 880
B. RM 5 120
C. RM 10 480
D. RM 10 880

28. Apakah yang dimaksudkan dengan baki debit dalam Akaun Semasa Pekongsi ?\
    A. Pekongsian mengalami kerugian
    B. Untung pekongsi telah berkurang
    C. Perkongsian berhutang kepada pekongsi
    D. Pekongsi telah mengeluarkan wang lebih dari yang sepatutnya

29. Pernyataan manakah yang menebabkan akaun modal berbaki debit ada tarikh pembubaran ?
    I. Ambilan yang banyak
    II. Sumbangan modal yang besar
    III. Nilai aset yang diambil alih tinggi
    IV. Untung realisasi yang mebihi jumlah modal

A. I dan II
B. I dan III
C. II dan IV
D. III dan IV

30. Jumlah aset sebuah pekongsian adalah RM 38 000 dan jumlah liabilitinya ialah RM 4 200. Dalam proses realisasi , semua aset direalis sebanyak RM 50 000. Belanja realisasi berjumlah RM 500. Hitung untung realisasi.
    A. RM 5 500
    B. RM 6 500
    C. RM 10 200
    D. RM 11 500

LIVEWORKSHEETS

31. Maklumat berikut berkaitan dengan modal saham Syarikat Amma Berhad

Saham	Modal diterbitkan	Modal belum diterbitkan
	RM	RM
Saham biasa	2 000 000	1 000 000
Saham keutamaan	800 000	200 000

Berapakah jumlah modal yang dibenarkan ?

A. RM 4 000 000
B. RM 3 000 000
C. RM 2 800 000
D. RM 1 200 000

32. Pada 1 Mac 2021 Syarikat Pandini ditubuhkan dengan modal berdaftar 4 000 0000 unit saham biasa berharga RM 0.80 sesaham. Pada 5 Mac 2021, syarikat ini telah menerbitkan 2 500 000 unit saham biasa kepada orang ramai. Hitung modal yang belum diterbitkan

A. RM 1 200 000
B. RM 2 000 000
C. RM 3 200 000
D. RM 4 000 000

33. Apakah maksud perkataan 'berhad' di penghujung nama syarikat berhad?

A. Hutang syarikat adalah terhad
B. Bilangan ahli syarikat adalah terhad seramai 50 orang ahli
C. Liabiliti syarikat bagi hutangnya adalah terhad
D. Liabiliti pemegang saham bagi hutang syarikat adlaah terhad

34. Antara yang berikut, yang manakah **bukan** ciri-ciri syarikat awam berhad?

A. Pemilik saham adalah di antara 2 hingga 50 orang.
B. Modal syarikat adalah saham yang dipegang oleh pemiliknya
C. Merupakan satu entiti yang berasingan daripada pemiliknya
D. Keuntungan diagihkan kepada pemegang saham dalam bentuk dividen

35. Pernyataan manakah adalah benar tentang syarikat awam berhad?

I. Pindah milik saham dihadkan
II. Saham syarikat boleh disenaraikan di bursa saham
III. Saham syarikat diterbitkan kepada orang ramai
IV. Bilangan pemilik saham adalah antara 2 hinga 50 orang

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

36. Apakah ganjaran yang diberikan kepada pemegang saham syarikat berhad?

A. Bon
B. Bonus
C. Faedah
D. Dividen

LIVEWORKSHEETS

37. Maklumat yang berikut diambil daripada buku Perniagaan Kraf Mei Mei

	RM
Margin	20%
Untung kasar	30 400
Modal	112 000
Belanja operasi	6 000

Hitung jualan pada tahun ini

A. RM 122 000
B. RM 124 080
C. RM 146 000
D. RM 152 000

38. Maklumat yang berikut diperoleh daripada perniagaan Azhar pada 31 Disember 2021

Stok purata	RM 38 000
Untung kasar	RM 84 800
Kadar pusing ganti stok	4 kali

Berapakah kos jualan ?

A. RM 918 200
B. RM 152 000
C. RM 122 000
D. RM 94 300

39. Maklumat yang berikut diperoleh daripada sebuah firma pada 31 Disember 2020

	RM
Aset bukan semasa	72 000
Aset semasa	24 000
Liabiliti bukan semasa	6 000
Liabiliti semasa	12 000

Hitung nisbah semasa

A. 6 :1
B. 4 :1
C. 3 : 1
D. 2 : 1

40. Analisis terhadap penyata kewangan Syarikat Bidara mendapati margin untung kasar syarikat itu ialah 20%

Apakah yang dimaksudkan dengan maklumat di atas ?

A. Setiap RM 10 kos belian menghasilkan untung kasar RM 2
B. Setiap RM 10 kos jualan menghasilkan untung kasar RM 2
C. Setiap RM 10 belian bersih menghasilkan untung kasar RM 2
D. Setiap RM 10 jualan bersih menghasilkan untung kasar RM 2

SOALAN TAMAT

LIVEWORKSHEETS